

Soalan-soalan Lazim Edu@Innovate 2023

1. Apakah perbezaan di antara pertandingan dan pameran?

Jawapan: Pertandingan melibatkan sebarang produk inovasi dalam bentuk maujud (tangible) dan bukan maujud (intangible) seperti modul, alat, kit, web, aplikasi dan lain-lain. Pertandingan akan diadili dan mendapat pingat serta wang tunai bergantung kepada keputusan penjurian. Manakala, pameran merupakan platform untuk mempamer dan menjual produk serta perkhidmatan kepada pengunjung. Pihak pempamer tidak melalui apa-apa proses penjurian.

2. Apakah saiz tapak untuk pertandingan dan pameran?

Jawapan: Saiz untuk reruai(booth) pertandingan adalah 1m (d) x 1m (w) x 2.50m (h) manakala saiz untuk reruai(booth) pameran adalah 3.02m (d) x 3.02m (w) x 2.50m (h). Sila rujuk https://eduinnovate.upsi.edu.my/?page_id=45 untuk illustrasi booth pertandingan, manakala https://eduinnovate.upsi.edu.my/?page_id=43 untuk illustrasi booth pameran.

3. Bolehkah saya memasuki kedua-dua kategori sekaligus iaitu pertandingan dan pameran?

Jawapan: Boleh. Sekiranya pihak tuan berminat untuk menyertai kedua-dua pertandingan dan pameran dimana kedua-dua mempunyai produk yang sama, pihak tuan perlu mendaftar dan membayar yuran bagi kedua-dua jenis penyertaan tersebut.

Senario: Sekolah Kebangsaan A (SKA) berminat untuk mendaftar untuk kedua-dua pertandingan dan pameran. Pihak SKA perlu mendaftar di ruang pendaftaran pertandingan dan pameran, serta membayar yuran pertandingan RM150 (Kategori D) serta yuran pameran RM1000 dengan jumlah keseluruhan iaitu RM1150.

4. Sekiranya menyertai kedua-dua kategori sekaligus iaitu pertandingan dan pameran, booth yang manakah akan diberikan?

Jawapan: Kedua-dua booth pertandingan dan pameran akan diberikan. Sila rujuk https://eduinnovate.upsi.edu.my/?page_id=45 untuk illustrasi booth pertandingan, manakala https://eduinnovate.upsi.edu.my/?page_id=43 untuk illustrasi booth pameran.

5. Adakah kadar pembayaran yuran pertandingan mengikut kategori ketua projek?

Jawapan: Ya, kadar pembayaran yuran pertandingan adalah mengikut kategori ketua projek.

Senario: Seorang pensyarah ingin mendaftarkan inovasi untuk pertandingan, namun beliau bukanlah ketua projek, tetapi pelajarnya. Kadar pembayaran yuran pertandingan adalah RM350 (Kategori B) atau RM200 (Kategori C) mengikut kategori pelajarnya.

6. Sekiranya memenangi anugerah atau pingat di Edu@Innovate 2023, adakah layak untuk didaftarkan sebagai markah untuk *Malaysia Research Assessment (MyRA)*?

Jawapan: Tertakluk kepada glosari yang dikeluarkan oleh pihak MyRA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

7. Bagaimanakah cara untuk saya membuat pembayaran untuk pertandingan dan pameran?

Jawapan: Proses pembayaran akan dimaklumkan melalui email setelah pendaftaran diisi.

8. Apakah mod pembayaran yang disediakan untuk membayar yuran penyertaan?

Jawapan:

-**Bayaran Sendiri** (Perbankan Dalam Talian / Kad Debit / Kad Kredit)

-**Pembayaran oleh Organisasi/Institusi** (melalui Pesanan Belian)*

*Jika Pembayaran melalui Dana Penyelidikan/Organisasi (Sila nyatakan nama dana atau kod projek)

Contoh 1: Akaun Amanah IPS Fakulti

Contoh 2 : Kod Projek Kumpulan Wang Penyelidikan : 2023-001-108-02

9. Adakah penginapan disediakan oleh pihak urusetia Edu@Innovate 2023?

Jawapan: Tidak, penginapan tidak disediakan oleh pihak urusetia. Walaubagaimanapun, senarai cadangan hotel dan homestay disediakan dan boleh dicapai di link https://eduinnovate.upsi.edu.my/?page_id=302

10. Sesi pembentangan untuk pertandingan menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?

Jawapan: Penggunaan bahasa yang dibenarkan untuk cetakan poster (saiz A0) dan pembentangan adalah Bahasa Melayu **ATAU** Bahasa Inggeris namun, penggunaan Bahasa Inggeris amatlah digalakkan.

11. Berapakah maksimum ahli kumpulan untuk pertandingan?

Jawapan: Maksimum ahli kumpulan yang dibenarkan adalah seramai sepuluh (10) orang sahaja.

12. Adakah saya akan mendapat pingat, sijil atau wang tunai sekiranya saya menyertai pertandingan Edu@Innovate 2023?

Jawapan: Setiap satu penyertaan akan mendapat sekeping sijil. Pingat sama ada Emas/Perak/Gangsa adalah tertakluk kepada pemarkahan juri.

Jika menang, pasukan akan menerima sekeping sijil dan satu pingat sahaja. Hanya pasukan yang memenangi Best Awards akan menerima hadiah wang tunai.

Memandangkan sijil dan pingat hanya diberikan satu keping sahaja, maka, jika pasukan ingin mendapatkan sijil atau pingat untuk setiap ahli pasukan yang lain, bolehlah membuat pembelian sijil/pingat di kaunter urus setia sewaktu program berlangsung.